

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Sahkan berita sebelum lapor Najib | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | Color | Full Color |
| Date | 03 Jul 2015 | Circulation | 279,000 |
| Section | Nasional | Readership | 837,000 |
| Page No | 10 | ArticleSize | 299 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 4,373 |
| Journalist | ROBIATULADAWIYAH ABD RASHAD | PR Value | RM 13,119 |
| Frequency | Daily | | |



Sahkan berita sebelum lapor: Najib

■ ROBIATULADAWIYAH ABD RASHAD &
MUHAMMAD ZAKWAN NAZARALY

SHAH ALAM – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan pengamal media untuk berlaku adil dan mencari kebenaran sebelum melaporkan berita.

Beliau berkata, media juga berperanan membentuk akal, budi yang bertanggungjawab di kalangan masyarakat di negara ini.

Berbeza pendapat tidak mengapa tetapi kita perlu cari kebenaran. Kalau kita kata, berbilion duit hilang, cari di mana kebenarannya, apa buktinya. Ini yang mesti kita pertahankan kebenaran bukan siapa yang sebut itu.

“Itu sahaja yang saya minta, berlaku adillah dan cari kebenaran. Sebab kita nak pandu pada al-Quran,” katanya pada Majlis Berbuka Puasa Perdana Menteri bersama Media di Kompleks Media Karangkraf, semalam.

Najib berkata, media hari ini lebih cenderung bersaing sesama sendiri untuk menjadi yang pertama siar berita berbanding mencari ketepatan berita itu terlebih dahulu.

Katanya, sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, beliau tiada masalah untuk menerima sebarang pandangan atau kritikan daripada pi-

hak lain sekiranya perkara itu mendatangkan kebaikan.

“Tidak jadi masalah jika berbeza pandangan, lebih-lebih lagi jika pendapat itu membina, yang jadi masalah jika pendapat itu tidak berasas pada fakta. Apatah lagi kalau menyebar berita-berita yang boleh menimbulkan keraguan serta kurang keyakinan.

“Setelah disemak pendapat itu tidak berasas, inilah cabaran dalam persekitaran hari ini, kerana orang mengejar berita yang hendak disampaikan secepat mungkin, nak diviralkan.

“Untuk jadi yang pertama menyebarluaskan berita itu untuk membentuk persepsi. Bukan nak menentukan kesahihan dan ketepatan berita, ketepatan berita sudah jadi soal kedua,” katanya.

Najib berkata, beliau berdepan cabaran yang besar untuk mengikis semula persepsi yang telah dibentuk melalui laporan yang tidak tepat.

Beliau menjadikan laporan berita yang mendakwa 40,000 warga Bangladesh diimport untuk mengundi BN sebagai contoh laporan yang tidak tepat sehingga memberi kesan besar terhadap undi BN.


“(Sehingga) saat akhir kita tak mampu betulkan, dan ada orang percaya, sehingga muka macam Bangladesh kena kejar, takut itu pengundi hantu yang diupah BN.

“Contoh lain, isu Tabung Haji ditimbulkan pada hari terakhir PRK Permatang Pauh, wang Tabung Haji digunakan nak selamatkan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB), urusan itu (pembelian tanah) urusan komersial, tak kurang keuntungan RM100 juta. Pendeposit pakcik, makcik di kampung marah, tak kan nak gunakan wang rakyat selamatkan 1MDB, itu kerajaan tidak bertanggungjawab. Tetapi kemasuhan telah berlaku,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap pengamal media berlaku adil kepada kerajaan sebelum melaporkan sebarang bentuk berita.

Najib hadir ke Kumpulan Media Karangkraf bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bagi meraikan lebih 500 pengamal media dan blogger.

Turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dan Pengarah Urusan Kumpulan Media Karangkraf, Datuk Dr Hussamuddin Yaacub.



Hussamuddin (kiri) memberi penerangan mengenai al-Quran keluaran Karangkraf kepada Najib, semalam.